PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(2) Disember. 2013 (120-127)

Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Mohd Sukki Othman, Muhd Zulkifli Ismail
msukki@upm.edu.my, zulismail@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Wan Nordin Wan Abdullah
Pusat Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abstrak
Kajian ini ialah kajian deskriptif bagi meninjau penggunaan ICT dalam kalangan guru bahasa Arab di pusat bahasa. Kajian ini cuba menjawab persoalan bagaimanakah penggunaan ICT oleh guru-guru bahasa Arab dalam pengajaran mereka. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrument yang diedarkan kepada responden kajian seramai 67 orang guru bahasa Arab di pusat bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Data yang dikumpulkan itu dianalisis menggunakan SPSS versi 11.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ICT dalam kalangan guru dalam pengajaran bahasa Arab adalah pada tahap sederhana. Oleh itu, tindakan yang berstrategik perlu diambil oleh pentadbir pusat bahasa untuk memastikan ICT diaplikasikan dengan sewajarnya dalam pengajaran bahasa Arab bersesuaian dengan teknologi terkini.

Kata kunci: ICT, Pengajaran, Bahasa Arab, Pusat Bahasa

Abstract
This is a descriptive study to explore the use of ICT among teachers of Arabic at a language center. This study attempts to answer how the use of ICT by Arabic teachers during their teaching. This study used questionnaires as the instrument that was distributed to the respondents who were 67 Arabic teachers at the language center of the International Islamic University Malaysia (IIUM). The data collected was analyzed using SPSS version 11.0 for frequency, percentage, mean and standard deviation. The results showed that the use of ICT among teachers in the teaching of Arabic is at a moderate level. Therefore, the strategic actions to be taken by the language center administrators to ensure ICT is applied appropriately in accordance with the teaching of Arabic and the latest technology.

Key words: ICT, Teaching, Arabic, Language Center

1. Pengenalan

Pendidikan bahasa Arab telah lama bermula di Malaysia. Ia bermula sebelum kemerdekaan dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu sekitar kurun ketujuh, kelapan ataupun keempat belas menurut sesetengah pendapat yang lain (Hassan Basri, 2005). Pendidikan bahasa Arab di peringkat awal dikaitkan dengan kepulangan pelajar-pelajar dari Timur Tengah yang membuka pondok-pondok untuk mengembangkan dakwah. Pada waktu itu, bahasa Arab diajar di pondok-pondok dengan pendekatan tradisional yang lebih berpusatkan guru (Abdullah, 1995).

Keadaan ini berterusan pada zaman selepas merdeka memandangkan paksi pendidikan negara pada masa itu masih berpusat kepada bekas penjajah. Bahasa Inggeris diutamakan pada masa itu. Sementara bahasa Arab pula tidak mendapat tempat dalam sistem pendidikan negara (Hassan Basri, 2005).

Pada akhir tahun 1970-an, barulah pendidikan Islam mula mendapat tempat dalam sistem pendidikan negara. Keadaan ini muncul berikutan ledakan dakwah dan kesedaran masyarakat pada masa itu terhadap Islam. Mereka melihat usaha mengembangkan dakwah Islam dan pengajaran subjek Agama Islam adalah satu keperluan kepada pelajar sekolah. Di samping itu, mendalami bahasa Arab perlu berjalan serentak dalam usaha mendalami agama Islam itu sendiri (Hassan Basri, 2005).

Bermula dari era kebangkitan Islam pada 1970-an , perkembangan dalam pendidikan bahasa Arab di Malaysia telah melalui satu perubahan yang drastik. Perkembangan ini mendorong sekolah-sekolah agama rasmi kerajaan ditubuhkan dan mata pelajaran bahasa Arab turut diajar sebagai pengukuhan kepada pendidikan Islam (Zawawi, 2001). Menurut Jabatan Pendidikan Tinggi (2000), bahasa Arab juga diajar di pusat-pusat bahasa Arab sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam, swasta atau institusi pendidikan swasta lain yang mengadakan kelas-kelas tuisyen untuk masyarakat setempat. Bahasa Arab juga diajar secara formal atau tidak formal oleh badan-badan kebajikan dan persatuan yang menganjurkan kursus secara *ad-hoc* ataupun kursus lengkap.

2. Kajian Lepas

Isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dibincangkan berterusan oleh ahli akademik, para pendidik, pentadbir, ibu bapa malah para pelajar. Fenomena ini menjadi lebih gawat apabila banyak kajian mendapati tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang kritikal dan nazak berbanding pembelajaran bahasa penting yang lain di Malaysia (Hassan Basri, Jassem Ali, Mat Taib Pa, 2003; Nik Mohammad Rahimi, Kamarulzaman Abd Ghani, 2002). Banyak faktor yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini. Antaranya ialah teknik pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan yang melibatkan penggunaan alat bantu pengajaran dan pembelajaran (Nik Mohd Rahimi, 1999).

Di samping itu, kajian yang dijalankan mendapati kebanyakan pelajar sama ada remaja atau golongan dewasa menunjukkan reaksi negatif terhadap bahasa Arab. Mereka menganggap bahasa ini bahasa yang susah untuk dipelajari. Menurut Azhar (2005), kebanyakan pelajar tidak menunjukkan minat untuk mempelajari bahasa Arab berbanding mata pelajaran yang lain. Mereka juga berpendapat bahawa bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang susah untuk dipelajari. Khairuzaman (2003) dalam kajiannya juga mendapati pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Menurutnya juga, pelajar menganggap mata pelajaran ini tidak penting malah tidak mempunyai nilai komersial. Bagi golongan dewasa pula, kelas-kelas bahasa Arab amat mendapat sambutan di awal kursus. Malangnya, ramai dalam kalangan mereka yang meninggalkan kursus selepas beberapa siri pembelajaran berjalan (Wan Rosli, 2005). Antara masalah yang terpaksa dihadapi dalam pembelajaran bahasa Arab ialah para pelajar mendakwa bahawa mereka tidak dapat mengaplikasikan bahasa Arab seperti yang dipelajari dalam kelas dalam realiti kehidupan mereka (Nik Rahimi, 1999). Di luar bilik darjah, bahasa Arab dilihat sebagai asing. Suasana ini membantut proses pembelajaran bahasa ini berbanding bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas dalam kehidupan hari ini. Berdasarkan Bajet 2003, kerajaan Malaysia menyediakan peruntukan hampir RM5 bilion dalam tempoh tujuh tahun, mulai tahun lalu hingga 2008 kepada Kementerian Pendidikan untuk menyediakan prasarana pendidikan, khususnya penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran (Tamrin Anuar, 2003). Bajet yang besar dikhususkan untuk teknologi pendidikan ini bertujuan menyajikan pendidikan yang bersesuaian dengan trend terkini yang melanda dunia.

Di barat, kemajuan dalam teknologi pendidikan semakin terserlah dengan penciptaan peralatan moden dan canggih yang membolehkan mereka menguasai dunia melalui pemikiran dan proses globalisasi yang dicanangkan (Nilay, 2006). Negara-negara membangun seperti Malaysia mengambil inisiatif untuk menyesuaikan pendidikan mereka mengikut rentak yang sesuai dengan peredaran zaman dan teknologi. Proses ini amat diperlukan supaya negara dapat bersaing dalam arus globalisasi yang kian rancak (Mohd Azidan Abdul Jabar, 2000). Pengajaran bahasa Arab juga mesti berubah mengikut peredaran zaman dengan mengaplikasikan teknologi terkini. Sekiranya pendokong bahasa Arab menyisihkan teknologi daripada pengajaran bahasa Arab, masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa ini di Malaysia sukar untuk dirawat. Banyak kajian yang telah dijalankan untuk mengaplikasikan teknologi moden seperti ICT dalam pengajaran bahasa Arab, dengan harapan langkah ini dapat mengubah senario pengajaran dan pembelajaran bahasa ini (Khairuzaman, 2003; Rahimi, 2003).

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia secara umumnya berhadapan dengan berbagai cabaran daripada pelbagai aspek sama ada kaedah pembelajaran, alat bantu mengajar, kurikulum, latihan guru, persepsi guru dan pelajar dan lain-lain lagi. Lebih kritikal apabila ramai dalam kalangan pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa Arab, walaupun dasar pendidikan negara melalui KBSM menekankan pembelajaran sistematik yang diharapkan dapat mengubah hala tuju pembelajaran dan pengajaran termasuk dalam bahasa ini (Mohd Azidan Abdul Jabar, 2000). Kajian yang dijalankan oleh para akademik yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mendapati penguasaan pelajar berada pada tahap yang membimbangkan (Hassan Basri, 2003; Nik Mohd Rahimi, 2002; Munif Zariruddin, 2005; Zawawi Ismail dan Rahimi Saad, 2005).

Masalah yang berlaku bukan hanya di sekolah, malah kajian yang dilakukan di universiti juga mendapati pelajar tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik (Rahimi, 2003). Menurutnya, ketidakberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah antara faktor yang mengakibatkan pelajar gagal mencapai tujuan yang dihasratkan. Antara unsur yang penting dalam pengajaran bahasa yang mungkin dipandang remeh ialah penggunaan ICT sebagai alat bantu mengajar yang sesuai .

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan ICT adalah satu wahana pengajaran yang dianggap sangat berkesan dan sesuai untuk mendokong aspirasi pendidikan futuristik (Khairuzaman 2003; Zawawi 2005). ICT adalah merupakan gabungan kemajuan dalam komunikasi teknologi elektronik mikro dan telekomunikasi untuk menyalur maklumat supaya dapat membuat keputusan yang tepat. Dalam pendidikan, ICT boleh digunakan untuk mengumpul, menyimpan, memproses dan menyalurkan serta menyebarkan maklumat secara pantas seperti hantaran elektronik (e-mail) atau CD Rom untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran (Forcier, 1996). Penggunaan Internet yang merupakan satu elemen ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan khususnya, dilihat sebagai satu perkembangan yang sangat besar sumbangannya. Ini adalah kerana bahan pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan berasaskan teknologi tersebut bersifat efektif dan mampu menarik minat para pelajar untuk mengikuti aktiviti pembelajaran yang berterusan sama ada di bawah kendalian guru atau pembelajaran kendiri (Rahimi Saad; Zawawi Ismail, 2005).

Ramai dalam kalangan pendidik dan penyelidik yang menyatakan bahawa Internet boleh memberi sumbangan yang besar dalam pendidikan bahasa (Khairuzaman 2003; Gillespie 1999). Ia boleh berperanan sebagai alat bantu untuk pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Oxford (1990) menyatakan bahawa apabila berada di talian , komunikasi bukan sahaja penuh bermakna tetapi menjadi satu keperluan yang penting. Perkembangan ICT juga menjadi faktor penyumbang kepada pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui Internet (Abd Rauf, 2005). Perkara yang lebih bererti adalah apabila laman-laman ini dibangunkan oleh penutur bahasa itu sendiri dengan pelbagai cara termasuk audio visual, gambar, teks dan sebagainya. Laman-laman ini amat berguna kepada pelajar bahasa Arab khususnya pelajar bahasa kedua seperti pelajar-pelajar Malaysia.

Laman web yang merupakan satu komponen ICT juga menyajikan kurikulum atas talian yang menarik yang ditawarkan oleh penyedia laman tersebut. Pengajaran bahasa Arab dipersembahkan dalam bentuk yang lebih tersusun dan berkala dengan melibatkan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) untuk mempermudah pemahaman pelajar terhadap konsep yang sukar. Tindakan menambahkan bahan-bahan bantu mengajar adalah berkesan untuk membantu murid-murid menghafal dan mengingat kalimah-kalimah. Murid-murid juga telah menunjukkan minat untuk belajar bahasa Arab (Dearana ,1998). ICT berperanan menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran kreatif, menarik serta senang untuk mendapati maklumat. Suasana ini terbentuk kerana pengajaran menggunakan ICT menggabungkan pelbagai media seperti teks, audio, grafik tetap, animasi dan penggunaan video dengan aplikasi teknologi terkini untuk menghasilkan sesuatu pengajaran (Helmi, 2001). Kegagalan pelajar bahasa Arab menguasai bahasa ini mungkin boleh diatasi dengan mengaplikasikan ICT dalam pengajaran. Oleh itu, penyelidik ingin membuat kajian ini bagi menyelidik penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru pusat bahasa sebuah universiti di Malaysia.

3. Metodologi

Kajian ini hanya dijalankan di Pusat Bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang beroperasi di dua lokasi iaitu di Gombak dan di Petaling Jaya. Pusat ini lebih dikenali dengan *Centre of Language and Pre-University Department* (CELPAD). Oleh itu kajian ini adalah terbatas kepada pusat bahasa ini sahaja. Kajian ini tidak akan melibatkan pusat-pusat bahasa lain atau mana-mana institusi yang melaksanakan pengajaran bahasa Arab. Kajian ini

juga tidak akan melibatkan penggunaan ICT oleh guru-guru bahasa Arab di institusi lain yang menawarkan kursus bahasa Arab. Kajian hanyalah terbatas terhadap guru-guru bahasa Arab di pusat bahasa yang dimaksudkan. Kajian ini juga tidak akan melibatkan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar dalam pembelajaran, sebaliknya hanya menekankan penggunaan ICT dalam pengajaran yang dilaksanakan oleh guru-guru berkenaan. Kajian yang dijalankan menggambarkan fenomena yang berlaku di pusat bahasa ini sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pusat bahasa Arab yang lain atau kepada seluruh guru bahasa Arab di

4. Analisis dan Perbincangan

Penggunaan ICT Dalam Kalangan Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Jadual 1 menunjukkan penggunaan ICT oleh guru-guru bahasa Arab dalam pengajaran mereka. Sebanyak 15 item soal selidik dikemukakan dalam bahagian ini. Berikut ialah data yang menunjukkan min dan sisihan piawai bagi respon yang diberikan oleh responden terhadap item-item ini.

Jadual 1: Penggunaan ICT Dalam Kalangan Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Penyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
1.Saya menggunakan OHP dalam pengajaran BA	15 (22.4%)	24 (35.8%)	13 (19.4%)	14 (20.9%)	1 (1.5%)	2.43	1.10
2.Saya menggunakan *LCD* dalam pengajaran BA	22 (32.8%)	25 (37.3%)	11 (16.4%)	5 (7.5%)	4 (6.0%)	2.16	1.15
3.Saya menggunakan tayangan video dalam pengajaran BA	7 (10.4%)	8 (11.9%)	6 (9.0%)	39 (56.2%)	7 (10.4%)	3.46	1.16
4.Saya menggunakan TV dalam pengajaran BA	11 (16.4%)	14 (20.9%)	11 (16.4%)	26 (38.8%)	5 (7.5%)	3.00	1.26
5.Saya menggunakan kaset dalam pengajaran BA	11 (16.4%)	4 (6.0%)	5 (7.5%)	35 (52.2%)	12 (17.9%)	3.49	1.32
6.Saya menggunakan CD-ROM dalam pengajaran BA	13 (19.4%)	14 (20.9%)	10 (14.9%)	20 (29.9%)	10 (14.9%)	3.00	1.38
7.Saya menggunakan perisian kursus dalam pengajaran BA	15 (22.4%)	19 (28.4%)	15 (22.4%)	15 (22.4%)	3 (4.5%)	2.58	1.20
8.Saya menggunakan *microsoft word* dalam pengajaran BA	8 (11.9%)	14 (20.9%)	10 (14.9%)	26 (38.8%)	9 (13.4%)	3.21	1.26
9.Saya menggunakan *microsoft power-point* dalam pengajaran BA	14 (20.9%)	18 (26.9%)	11 (16.4%)	17 (25.4%)	7 (25.4%)	2.78	1.32
10.Saya menggunakan *microsoft excell* dalam pengajaran BA	18 (26.9%)	24 (35.8%)	12 (17.9%)	10 (14.9%)	3 (4.5%)	2.34	1.16
11.Saya menggunakan *e-mail* dalam pengajaran BA	20 (29.9%)	23 (34.3%)	13 (19.4%)	9 (13.4%)	2 (3.0%)	2.25	1.12

12.Saya menggunakan laman web dalam pengajaran BA	15 (22.4%)	17 (25.4%)	7 (25.4%)	25 (37.3%)	3 (4.5%)	2.76	1.29
13.Menggalakkan pelajar mencari makna perkataan melalui e-kamus	20 (29.9%)	17 (25.4%)	11 (16.4%)	14 (20.9%)	5 (7.5%)	2.51	1.32
14.Saya menggunakan video konferen dalam pengajaran BA	34 (50.7%)	19 (28.4%)	10 (14.9%)	3 (4.5%)	1 (1.5%)	1.78	0.97
15.Menggunakan ruangan *chat* dalam pengajaran BA	32 (47.8%)	18 (26.9%)	11 (16.4%)	5 (7.5%)	1 (1.5%)	1.88	1.08
	Keseluruhan					**2.64**	**0.81**

Jadual 1 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi respon terhadap item-item penggunaan ICT dalam kalangan guru dalam pengajaran bahasa Arab. Daripada 15 item yang dikemukakan, tidak ada min yang berada pada tahap tinggi (3.67 - 5.00). Kebanyakan min berada pada tahap sederhana (2.34 - 3.66). Terdapat 4 min yang berada pada tahap rendah (1.00 - 2.33). Terdapat 11 daripada keseluruhan item yang dikemukan dalam bahagian ini berada pada tahap sederhana. Item-item itu ialah penggunaan kaset, video, tv, CD-ROM, *Microsoft word*, e-kamus, laman web, OHP, excel, powerpoint dan perisian kursus. Bagi penggunaan kaset, minnya ialah 3.49 dengan sisihan piawai 1.32. Daripada 67 rseponden, seramai 17.9% yang sangat setuju mereka menggunakan kaset dalam pengajaran sementara 52.2% lagi menyatakan setuju. 7.5% daripada mereka memberi respon kurang pasti, manakala 6.0% tidak setuju. Terdapat 16.4% daripada responden yang sangat tidak bersetuju mereka menggunakan kaset dalam pengajaran bahasa Arab.

Min yang kedua tertinggi dalam bahagian ini ialah 3.46 dengan sisihan piawai 1.16 iaitu pada item penggunaan video. Seramai 10.4% sangat setuju dan 56.2% setuju menggunakannya. 9.0% daripada mereka memberi respon kurang pasti, 11.9% tidak setuju dan 10.4% sangat tidak setuju. Min ketiga tertinggi adalah pada item penggunaan tv iaitu 3.00 dengan sisihan piawai 1.26. 7.5% menyatakan sangat setuju menggunakannya dalam pengajaran sementara 38.8% setuju. 16.4% daripada responden kurang pasti sama ada mereka menggunakannya atau tidak. Seramai 20.9% menyatakan tidak setuju dan 16.4% sangat tidak setuju mereka menggunakan tv dalam pengajaran. Ini menunjukkan penggunaan kaset, video dan tv dalam pengajaran bahasa Arab di pusat bahasa ini adalah pada tahap sederhana.

Min yang dikategorikan pada tahap rendah pula adalah pada item penggunaan e-mail, LCD, chat dan video konferen. Bagi penggunaan e-mail dalam pengajaran, minnya ialah 2.25 dengan sisihan piawai 1.12. Data ini menunjukkan hanya 3.0% yang sangat setuju menggunakan e-mail dalam pengajaran mereka dan 13.4% lagi setuju bahawa mereka menggunakannya. Seramai 19.4% kurang pasti, sementara 34.3% tidak setuju dan 29.9% sangat tidak setuju mereka menggunakan komponen ICT ini dalam pengajaran bahasa Arab. Bagi penggunaan LCD pula, minnya ialah 2.16 dengan sisihan piawai 1.15. Hanya 13.5% yang sangat setuju dan setuju menggunakan komponen ICT ini. Sebaliknya terdapat 70.1% daripada responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju menggunakannya dalam pengajaran mereka. Penggunaan ruangan *chat* berbahasa Arab dalam pengajaran pula minnya hanyalah 1.88 dengan sisihan piawai 1.08. Menurut data ini, terdapat 1.5% atau seorang saja yang sangat setuju menggunakannya dalam pengajaran, manakala 7.5% lagi setuju menggunakannya. Seramai 74.7% daripada responden tidak setuju dan sangat tidak setuju menggunakan ruangan *chat* berbahasa Arab dalam pengajaran mereka. Begitu juga dengan video konferen, minrnya hanyalah 1.78 dengan sisihan piawai 0.97. Terdapat 9% yang mendakwa menggunakannya dalam pengajaran mereka, 16.4% kurang pasti, sementara 79.1% tidak menggunakannya.

Penggunaan ICT Dalam Kalangan Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan ICT dalam kalangan guru dalam pengajaran bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Min keseluruhan bagi penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Arab ialah 2.64 dengan sisihan piawai 1.21. Ini bermakna guru-guru bahasa Arab menggunakan komponen ICT dalam pengajaran mereka tetapi tahap penggunaannya agak kurang. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Khairuzaman (2003) yang mendapati guru bahasa Arab kurang menggunakan teknologi moden dalam pengajaran. Menurutnya, kebanyakan guru suka bergantung sepenuhnya pada buku teks atau melaksanakan pengajaran secara tradisional. Walaupun begitu, dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian Roskang (1999) yang mendapati penggunaan ICT dalam kalangan guru bahasa Arab adalah positif. Menurutnya, guru-guru bahasa Arab sering menggunakan komputer dalam pengajaran sekalipun terdapat masalah-masalah yang terpaksa dihadapi.

Min yang paling tinggi dalam bahagian ini ialah penggunaan kaset dalam pengajaran iaitu 3.49 dengan sisihan piawai 1.32. Begitu juga dengan penggunaan video dan television. Kompenen-komponen ini mendapat min yang tinggi berbanding komponen ICT lain yang bersifat digital Dapatan ini menunjukkan guru menggunakan alat yang mudah dan senang didapati serta tidak memerlukan kepada kemahiran yang tinggi untuk mengguna dan mengendalikannya. Kaset, video dan television juga merupakan komponen ICT, tetapi alat ini sudah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan guru-guru tidak menggunakan peralatan terkini. Hal ini telah ditegaskan oleh Soheir (1990) dan Mohd Awang (1996) bahawa kebanyakan guru bahasa Arab menggunakan alat bantu mengajar yang mudah didapati.

Komponen yang lain menunjukkan penggunaan yang sederhana dalam kalangan guru ialah penggunaan CD-ROM, microsoft word, e-kamus, laman web, OHP, excel, powerpoint dan perisian kursus. Bagi penggunaan CD-ROM dan perisian kursus dapatan ini bersesuaian dengan respon guru yang berpendapat pusat ini kekurangan peralatan ini untuk pengajaran bahasa Arab. Roskang (1999) juga menyatakan dalam dapatan kajiannya bahawa guru-guru kurang menggunakan peralatan seperti CD-ROM dan perisian kursus kerana kekurangan bahan ini.

5. Kesimpulan

Min secara keseluruhan bagi penggunaan ICT dalam kalangan guru di pusat bahasa ini ialah 2.64 dengan sisihan piawai 0.81. Ini menunjukkan penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Arab di pusat bahasa ini adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini menjawab soalan kajian yang kedua iaitu bagaimanakah penggunaan ICT dalam kalangan guru dalam pengajaran bahasa Arab di pusat bahasa ini. Sementara penggunaan yang sederhana bagi peralatan seperti microsoft word, e-kamus, laman web, OHP, excel dan powerpoint pula selaras dengan dapatan kajian Rahimi (2003). Dapatan kajiannya menyatakan guru-guru bahasa Arab kurang menggunakan peralatan ini kerana beberapa faktor, antaranya ialah kelemahan infrustruktur. Penggunaan yang sederhana bagi peralatan ini juga bersesuaian dengan kurangnya kursus aplikasi ICT dalam pengajaran bahasa Arab yang diadakan untuk guru-guru pusat bahasa ini. Peralatan-peralatan moden ini memerlukan kemahiran tertentu untuk mengguna dan mengendalikannya. Kemahiran ini penting untuk memastikan pengajaran yang berkesan dan dapat menarik minat pelajar. Abd. Muneim (1989) menyenaraikan tiga faktor utama dalam penggunaan teknologi untuk pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah kemampuan dan kemahiran guru untuk mengendalikannya.

Rujukan

Abd. Muneim, A.M (1989). *Bain al Manahij wa tahqiq Ahdafiha wifqa nazariyyat teknoljiya al Ta'lim*. Tesis Sarjana TASL (tidak diterbitkan). Khourtum, Ma'had Khartoum al Duwali li al Lughat al 'Arabiyyah.

Abd Rauf Hassan Azhari,. Mohd Azidan Abdul Jabar & Ahmad Hasbullah. (2005). Kamus dalam talian untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 48-66. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adnan Yusopp .(_____) . Kurikulum Baru Pendidikan Islam KPM Menghadapi Era Globalisasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (Siri 1). Hal.1-9. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Alan Greenberg. (2005). *ICTs for Poverty Alleviation: Basic Tool and Enabling Sector.* Canada: Sida Publisher.

Ann Heide & Dale Henderson (1994). *Active learning in the digital classroom.* Toronto, Canada: Trifolium Books Inc.

Asad Awang (1995). *Kesan penggunaan alat Bantu mengajar terhadap penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Arab pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah*. Laporan disertasi yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Asni. (2000). Kertas kerja '*Pembelajaran Elektronik (E-Learning) Satu Pertukaran Paradigma: Internet Dalam Pengajaran dan Pembelajaran'* pada Persidangan Kebangsaan Mengenai Pendidikan ICT 2000, Kuala Terengganu. Tidak diterbitkan.

Bahagian Pengistilahan , Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baharudin Aris, Mohd Bilal Ali, NorahMd. Noor, Mohd Nihra Haruzuan Mohd Said, Noor Azean Atan, Manimegalai Subramaniam, Zaleha Abdullah. (2003). *Sains Komputer: Teknik dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) sdn Bhd.

Black, J.A & D.J. Champion. (1976). *Method and issues in sosial reserch*. New York: John Wiley & Son.

Bullen, M. (2001). *E-Learning And The Internationalization Of Education.* Available: http://www.geocities.com/ebelajar2002/bahan.html:Akses 12 Okt 2005.

1. CELPAD. (2005). *Vision and mission*. Retrieved Mac 13, 2006. Web site: http://www.iiu.edu.my/celpad/v2/vision-mission.php.

Dale.(1946)._____.http://www.geocities.com/ebelajar2002/bahan.html:Akses 12 Okt 2005.

2. Dearana bt. Morshidi. (1998). *Respons Murid-Murid Tahun Dua Sekolah Rendah Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab.* Jabatan Pendidikan, Maktab Perguruan Sarawak yang tidak diterbitkan.

Farrah Dina Yusop. (2005). Pembangunan hypermedia: Ict sebagai pemangkin pemikiran kritis dan kreatif. *Pedagogi merentas kurikulum*, 117-126. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Fatimah Hashim. (2005). Pengajaran bahasa yang responsive: Ke arah memenuhi keperluan semasa . *Pedagogi merentas kurikulum*, 26-40. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Forcier, R.C. (1996*). The computer as a productivity tool in education*. New Jersey: Pretice-Hall Inc.

Gagne, R.M et al. (1987). *Instructional Tecnology Foundations*. New Jersey, Hillsdale.

Gary Herman. (1994). *Glossary*. Retrieved Mac 13, 2006. Web site: http://www.christlinks.com/glossary2.html.

Gillespie. (1999). *Teaching and Learning with Technology: The Benefits & Implications*. Available at:http://www.directessays.com/viewpaper/66792.html (akses 10 January 200).

Hannafin, M.J. & Hooper, S. (1989). An Intergrated framework for CBI screen design and layout. *Computers is Human Bahavior*. 5(3), 155-165.

Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2005). Daripada Tradisi ke inovasi dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Dilema pelaksanaannya. *Pedagogi merentas kurikulum*, 68-78. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Helmi Ammar. (2001). *Teknolojia al-ittisalat wa atharuha al-tarbawiyyah*. Bahrain: Jamiah al-Manufiah.

3. Ibrahim Mohammad Naja. (1976). *al- Lahjat al-Arabiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.

InfoDef. (2005). *ICTs and education*. http://www.infodef.org. Akses 20 Februari 2006.

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Kajian kemasukan pelajar-pelajar aliran Agama ke Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.

Kamariah Abu Bakar. (1994). *Keperluan professional guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.* Laporan Bahagian Pendidikan Islam yang tidak diterbitkan: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2005). Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap kemahiran bahasa Arab komunikasi. *Prosiding wacana pendidikan Islam UKM* . Bangi:Penerbit UKM.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (1997). Edisi ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Karen S Ivers, Ann E Barron. (1998). *Multimedia Projects in education. Designing, Producing and assessing.* Colorado:Libraries Unlimited.

Keiper, Timothy A. (1999). *GIS for elementary students: An Inquiry into a New Approach to Learning Geography*._____.

Kementerian Pendidikan Malaysia, (2005). *Sekolah Bestari*. http://apps2.emoe.gov.my. Akses 11 Oktober 2005.

Kementerian Pendidikan Malaysia, (2002). *Teknologi Maklumat*. Website: http://myschoolnet.ppk.kpm.my/arkib/a_berita/2002/11_19_04.htm : Akses 01 Januari 2006.

Kerlinger, F.N. (1976). *Foundation of behaviorial reserch*. New York : Holt, Rinehert and Winston.

Khairuzaman b. Kadir. (2003). *Pengajaran sintaksis BA di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S: Satu kajian kes*. Tesis sarjana Fakulti Bahasa, UM yang tidak diterbitkan

Koran, J.K.C. (2001). *Pasukan Projek Perintis Sekolah Bestari*. Bahagian Teknologi Pendidikan , Kementerian Pendidikan Malaysia.

Little, D & Deritt, S. (1989). *Learning foreign language from authentic texts: Theory and practise*. Dublin: Authentic Language Learning Resources Ltd.

Mahzan Arshad. (2005). Prinsip dalam pengajaran bahasa di institusi pendidikan tinggi: Ke arah mengamalkan pendekatan interaktif. *Pedagogi merentas kurikulum* , 41-51. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Male, M. (1994). *Technology for inclusion: Meeting the special student needs of all student*. Massachusetts: Ally and Bacon.

Mark Kelly. (2003).*Glossary*. Retrieved January 10, 2006. Web site: http://www.mckinnonsc.vic.edu.au/la/it/ipmnotes/misc/glossary.htmby

Masni Khamis. (2001). *Gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik*. Kertas projek penyelidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia..

Merriam, S.B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach* . California: Jossey-Base Inc.

Mohd Awang. (1996) *Kaedah pengajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah: Satu tinjauan tentang sikap dan amalan guru BA di SMA Bantuan*. Disertasi Sarjana Pendidikan bahasa Moden yang tidak diterbitkan. Fakulti Bahasa dan Linguistic: Universiti Malaya.

Mohd Majid Konting. (1988). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Edisi ke 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Sukki Othman, Md Alif Redzuan Abdullah, Zawawi Ismail & Sanimah Hussin. (2005). Budaya dalam pendidikan bahasa Arab dan Jepun. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 83-95. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Mohd. Azidan Abd Jabar (2000). Penilaian pelajar menengah terhadap keberkesanan penggunaan ABM dalam mata pelajaran bahasa Arab. *Journal Dewan Bahasa dan Pustaka.* Jld. 44, Bil. 6, 681-700.

Mokmin Basri & Siti Zaharah Mohid. (2005). Ke arah pembinaan kurikulum bersepadu teknologi Maklumat: Satu pemikairan awal. *Prosiding wacana pendidikan Islam siri 1*. UKM. Bangi: Penerbit UKM.

Muhammad Azhar Zailaini. (2005). Penggunaan model pengajaran pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab komunikasi sekolah menengah.. *Pedagogi merentas kurikulum*, 59-67. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Munif Zarirruddin Fikri b. Nordin. (2005). Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia: Hari ini dan Masa Depan. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 1-15. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Nik Mohd Rahimi. (1999). Bahasa Arab Untuk Kemahiran Komunikasi: Satu Kajian Tentang Pelaksanaannya Dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Di Abad Ke-21. *Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara*, Fakulti Pendidikan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Mohd Rahimi. (2002). Kurikulum pendidikan Islam menghadapi cabaran globalisasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (Siri 1). Hal.29. Fakulti Pendidikan UKM. Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nilay Ranjan. (2006). *ICTs a solution for the improvement of the expertise of teacher*. Retrieved Mac 13, 2006, from OneWorld South Asia. Web site: http://southasia.oneworld.net/article/view/128770/1/1893

Nursham Abd. Aziz. (2004). *Penggunaan internet bagi mata pelajaran BM di kalangan pelajar tingkatan 4 di dua buah Sekolah Bestari Kuala Lumpur*. Kertas projek Sarjana Pendidikan Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

Othman, Mamdouh Abdul Hadi. (2002). *Al-Tiknolojia wa madrasatul mustaqbal "al-waqiu wal-makmul*, Kertas kerja seminar sekolah masa hadapan di Malik Saud Universiti, 16- 17 Sya'ban 1423 H, http://wwww.ksu.edu.sa/seminars/future-school/Abstracts/AlmosaAbstract.htm: Akses 01 Jan 2005.

Owtson, R.D. (1997). *The World Wide Web: A Technology to Enhance Learning.* [online]. Available : http://www.edu.yorku.ca/~rowston/article.html.(16/12/2005)

Oxford R.L (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publishers.

Paul Mobbs. (2005). *Glossary and Cross-Reference Index*. Retrieved Mac 13, 2006. Web site:http://www.fraw.org.uk/library/005/gn-irt/glossary.html#ict.

Rafiza Abdul Razak. (2005). Penggunaan Internet untuk pembelajaran penulisan bahasa Inggeris: Pendapat pelajar. *Pedagogi merentas kurikulum*, 162-180. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Rahimi Saad & Zawawi Ismail. (2005). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa arab Arab berasaskan Internet. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 36-47. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Rahimi Saad (2003). *Penggunaan Internet untuk pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca dan menulis bahasa Arab di sebuah Universiti*. Projek Sarjana yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, UM, Kuala Lumpur.

Raja Maznah Raja Hussain. (2005).Teori dan konsep teknologi instruksional: Isu dan cabaran. *Pedagogi merentas kurikulum*, 3-9. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Richard Ager. (1999*). Information and communication technology in primary schools, children or computers in control*. David Fulton Publishers ltd.

Robert Heinich. (1988). *The Use of Computers in Education: A Response to Streibel*. ECTJ, Vol. 36.

Roskang Jailani. (1999). *Perbandingan penggunaan komputer di kalangan guru SMKA dan SMA JAIS di daerah Sabak Bernam*. Laporan penyelidikan sarjana Pendidikan Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

Rozinah Jamaludin. (2000). *Asas-asas multimedia dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributor Sdn. Bhd.

Salmah Yunus. (1994). *Teacher attitudes towards learning with computer*. Tesis Sarjana Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Slavin, R.E. (1997). *Educational psychology: theory and practice*. Boston: Ally & Bacon.

.Soheir Abdel Moneim. (1990). *Satu tinjauan masalah pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah Malaysia.* Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sun Microsystems. (2004). *Setting the pace for e-government in Pakistan and the Middle East*. available at: www.sun.com/br/0304-ezine/gov-mideast.html (accessed 05 January 2006).

Susan and Maryla. (2005). *Managing ICTs in South Africa Schools*. [online]. Available : http://www.saide.org. Akses 13 Mac 2006.

Teeler, D. & Gray, P. (2000). Use Internet in ELT. Essex. Pearson Education Ltd.

Tengku Mohd Azman Shariffadeen. (1989). "*Strategi penyelidikan dan pembangunan MIMOS dalam tahun 90an.*" Persidangan MIMOS. Port Dickson.

Tuckman, B.W. (1988). *Conducting educational reserch*. San Tiago: Harcount Brace Jovanorich Publishers.

Tunku Mohani Tunku Mohtar. (2005). Bahasa dan berbahasa dalam komunikasi. *Pedagogi merentas kurikulum*, 10-25. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

UNESCO, (2005). *Information and Communication Technology (ICTs).* [online]. Available : http://unesdoc.unesco.org. Akses 20 Januari 2006.

Wan Muhammad Wan Sulong & Ab. Halim Mohamad. (2005). Cerita melayu tradisi dalam pendidikan bahasa Arab. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 67-82. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Wan Rosli Wan Ahmad. (2005). Kelas Umum Bahasa Arab UIAM. Ucapan hari pendaftaran KUBA 2005. Tidak diterbitkan.

Zainab Abu Bakar. (2003). *IT kini*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (2005). Pendekatan komunikatif dalam pendidikan bahasa Arab di Malaysia. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 16-35. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Zawawi Ismail, Mohd Sukki Othman & Abd Rauf Hassan Azhari. (2005). Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Di Malaysia. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan inova*si, 96-113. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Zawawi Ismail. (2001). *Hubungan Antara Persekitaran Bahasa Arab Dengan Kemahiran Bertutur Dalam Bahasa Arab Di kalangan Pelajar Universiti Di Malaysia*. Kertas Projek Sarjana yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, UKM.